

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

Tangani kekurangan ditinggalkan pegawai kontrak

KKM serap 1,825 pegawai perubatan

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

PUTRAJAYA – Kementerian Kesihatan (KKM) akan menempatkan seramai 1,825 pegawai perubatan yang sudah menamatkan latihan siswazah ke fasiliti kesihatan terjejas ekoran penyerapan pegawai kontrak ke lantikan tetap.

Menterinya, Dr. Zaliha Mustafa berkata, jumlah itu melibatkan seramai 675 pegawai perubatan yang akan diagihkan mulai bulan depan diikuti dengan 1,150 pegawai pada Ogos 2023.

Katanya, urusan seterusnya akan dilaksanakan sebaik sahaja pegawai menamatkan latihan atau khidmat wajib.

"Pelaksanaan pengambilan tetap itu menyebabkan pegawai lantikan kontrak (yang tidak disandarkan atas jawatan sebelum ini) perlu mengisi perjawatan tetap mengikut waran perjawatan berkuat kuasa.

"Berikutan pelaksanaan uru-

san itu, KKM menjangkakan berlaku kekurangan pegawai buat sementara di fasiliti kesihatan tertentu.

"Justeru, KKM telah menyediakan langkah penyelesaian bagi menangani isu tersebut antaranya menempatkan secara berperingkat pegawai perubatan menamatkan latihan siswazah ke fasiliti berkenaan mulai Julai 2023," katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata, seramai 4,914 pegawai perubatan termasuk pergigian dan farmasi lantikan kontrak telah ditawarkan pelantikan tetap oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam pada tahun ini.

"Bagi memastikan pelaksanaan telus dan saksama, KKM memutuskan kesemua pegawai ditawarkan pelantikan tetap membuat pemilihan penempatan bertugas menerusi aplikasi eHousemen, eDentist dan ePharmacist.

"Pegawai pergigian dan far-

masi dibenarkan membuat pemilihan penempatan bertugas menerusi aplikasi eDentist dan ePharmacist bermula 6 sehingga 8 Jun 2023.

"Pegawai perubatan pula membuat pemilihan penempatan secara berperingkat melalui aplikasi eHousemen dan mengikut lima fasa pelaksanaan mulai 9 Jun 2023.

Dalam urusan pengambilan tetap kali ini, katanya, KKM menerima lebih 1,000 rayuan daripada pegawai untuk dikekalkan di penempatan semasa.

"Antara alasan diberikan adalah pegawai menghadapi masalah kesihatan diri dan keluarga selain tidak bersetuju untuk berkhidmat di Sabah, Sarawak dan Labuan.

"Ia termasuklah penempatan menyebabkan pegawai terpaksa tinggal berjauhan dengan pasangan dan pegawai akan melakukan pengajian kepakaran," jelasnya.



KETIKA fasa peralihan endemik orang ramai diwajibkan memakai pelitup muka ketika menaiki pengangkutan awam. – GAMBAR HIASAN

Status endemik Covid-19 diumumkan minggu depan

PUTRAJAYA – Kementerian Kesihatan (KKM) akan mengumumkan status peralihan fasa endemik Covid-19 selepas membentangkan laporan tersebut kepada mesyuarat Jemaah Menteri minggu hadapan.

Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa berkata, keputusan mengenai fasa peralihan endemik itu akan diumumkan selepas mesyuarat berkenaan.

"Sebenarnya, keputusan ini kita akan umumkan selepas saya membawa pembentangan kepada Kabinet daripada Bahagian Kesihatan Awam.

"Mereka telah memberi saranan untuk kita laksanakan prosedur operasi standard (SOP) yang boleh dikategorikan sebagai SOP baharu.

"Tetapi, (pengumuman) selepas saya bentang kepada Jemaah Menteri minggu depan," katanya kepada pemberita selepas Majlis Perhimpunan Bulan KKM di sini semalam.

Kelmarin, Presiden Indonesia, Joko Widodo mengumumkan

kan negara itu secara rasmi menamatkan status pandemik Covid-19 dan memasuki fasa endemik.

Ketika ditanya mengenai SOP baharu terkandung dalam fasa peralihan endemik, Dr. Zaliha berkata, antara perkara diambil kira termasuklah bilangan kes Covid-19 selain situasi antarabangsa serta saranan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

"Antaranya kes Covid-19 terkini, lihat juga situasi antarabangsa dan semua itu kita akan ambil pertimbangan (termasuk) saranan WHO," ujarnya.

Mengulas mengenai SOP kesihatan Pilihan Raya Negeri (PRN) akan datang, Dr. Zaliha memaklumkan, ia bergantung kepada SOP baharu yang akan diumumkan kelak.

Pada 30 Mei lalu, media melaporkan Malaysia akan menilai semula status peralihan fasa ke endemik selepas pengisytiharan Kawasan Jangkitan Tempatan berakhir pada 30 Jun ini.



DR. ZALIHA (tengah) bergambar bersama penerima sijil tamat program Talent Grooming Programme (TGP) di Putrajaya semalam.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : NATIONAL

Covid-19: KKM umum status peralihan endemik minggu depan

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan mengumumkan status peralihan fasa endemik Covid-19 sebaik sahaja membentangkan saranan dan prosedur operasi standard (SOP) kesihatan baharu kepada jemaah menteri, minggu depan.

Menterinya, Dr Zaliha Mustafa berkata, SOP baharu tersebut mengambil kira beberapa penilaian termasuk bilangan jangkitan kes Covid-19, saranan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) serta situasi semasa Covid-19 di peringkat antarabangsa.

"Selepas itu kita akan umumkan (peralihan)," katanya selepas Majlis Perhimpunan Bulanan KKM di sini pada Jumaat.

Sebelum ini, KKM melanjutkan Kawasan Tempatan Jangkitan yang tamat pada 31 Disember tahun lalu kepada 30 Jun ini.

Lanjutan itu bagi memudah cara aktiviti pencegahan dan pengawalan penularan jangkitan Covid-19 menggunakan peruntukan di bawah P.U. (A) 83/22.

Covid-19 tidak lagi dikategorikan sebagai kecemasan kesihatan global oleh WHO bermula 5 Mei yang lalu.

Ia sekali gus menjadi langkah besar menuju pengakhiran wabak pandemik yang sudah membunuh lebih 6.9 juta orang selain mengancam ekonomi dan komuniti sejagat.

Malaysia merekodkan kes positif pertama Covid-19 pada 25 Januari 2020 melibatkan tiga rakyat China yang memasuki negara ini dari Singapura manakala kes pertama membabitkan rakyat tempatan dilaporkan pada 4 Februari tahun sama.

Setakat 17 Jun lalu, sebanyak 5,112,019 kes positif Covid-19 ter-

masuk kes import dilaporkan di seluruh negara membabitkan 37,118 kematian.

Sementara itu, Dr Zaliha dalam satu kenyataan memaklumkan, pegawai perubatan yang menamatkan latihan siswazah akan ditempatkan secara berperingkat dalam usaha penyelesaian KKM menangani isu kekurangan doktor di fasiliti tertentu.

Katanya, berdasarkan rekod KKM, seramai 3,226 pegawai perubatan akan menamatkan latihan siswazah atau khidmat wajib secara berperingkat mulai Jun hingga Disember depan.

"Oleh yang demikian, seramai 675 pegawai perubatan akan diagihkan segera mulai Julai diikuti dengan seramai 1,150 pegawai lagi pada Ogos," katanya menjelaskan mengenai kekosongan jawatan doktor kontrak berikutan pelantikan tetap dalam perkhidmatan awam.



FOTO: BERNAMA

Dr Zaliha melancarkan portal rasmi program Kospen Wow yang menjadi hub maklumat, pendaftaran dan pelaporan bagi anggota KKM, agensi dan swasta pada Perhimpunan Bulanan Kementerian itu di Putrajaya pada Jumaat.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN

Kadar elaun lebih masa pegawai perubatan dibawa ke JPA, MOF

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamula.com.my

PUTRAJAYA: Bayaran elaun pegawai perubatan terutama bagi tugas lebih masa atau *on call* diakui amat rendah dan perlu ditambah baik mengikut kadar sebenar yang sepatutnya dibayar setimpal dengan kepakaran mereka.

Bersambung di muka 3

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : DALAM NEGERI

Minda Pengarang

TEONG



Doktor juga mangsa pemerdagangan manusia?

ISU upah kerja lebih masa doktor di 145 hospital kerajaan di seluruh negara yang dibayar RM9.16 sejam sangat pelik lagi janggal. Sejak zaman mana agaknya pelaksanaan gaji tersebut. Bergelar doktor dan kerjaya profesional itu adalah paling didamba hampir semua pelajar.

Maklumlah gaji seorang profesional yang membaca buku dan membuat eksperimen sehingga ramai terpaksa berkaca mata tebal dibayangkan menerima ganjaran melimpah ruah. Namun lain dibayang lain dialami kalangan doktor. Penderitaan seorang doktor bahawa elaun kerja lebih masa mereka hanya dibayar RM9.16 sejam bagi semua gred sangat luar biasa.

Selama ini tidakkah kerajaan sedar bahawa bayaran lebih masa dengan harga RM9.16 bagaikan menghina' profesion kedokteran. Gaji bulanan kumpulan tersebut sekitar RM5,000 hingga RM12,000 sahaja pun sebulan.

Dibandingkan, gaji pekerja kilang dan setakat lepasan SPM pun lebih tinggi. Ramai yang mengetahui pekerja di rangkaian kedai makanan segera dan kedai-kedai tanpa jenama, gaji pekerja mereka lebih RM10 sejam.

Ketahuiilah tukang bersih rumah sekarang paling kurang dibayar RM20 sejam manakala khidmat tukang urut ramai yang sanggup bayar sehingga RM100 sejam.

Justeru, membaca luahan seorang doktor di akhbar ini semalam sungguh menyedihkan. Doktor tersebut kini tidak lagi berada di tanah air sebaliknya berhijrah ke luar negara untuk mendapat pendapatan berbaloi selain jiwa aman.

Ramai bertanya-tanya bagaimana kerajaan menilai tugas mulia seorang doktor yang dipaksa *on call* pada hari rehat atau cuti tetapi hanya memberi ganjaran RM9.16 sejam.

Mengenang nasib doktor yang terpaksa melayan hampir 80 peratus daripada 32 juta rakyat Malaysia yang menunggu rawatan di hospital-hospital kerajaan sangat mendukacita.

Susulan itu, terdapat suara-suara nakal yang menyamakan isu elaun doktor yang bekerja lebih masa tidak ubah seperti menjadi mangsa pemerdagangan manusia di negara sendiri.

Baru-baru ini menerusi Laporan Pemerdagangan Manusia Jabatan Negara Amerika Syarikat (AS) mengumumkan kedudukan Malaysia dalam isu pemerdagangan tersebut bertambah baik iaitu Tahap 2 berbanding Tahap 3.

Bagaimanapun, beberapa aktivitis tidak berpuas hati dengan penarafan tersebut dengan alasan eksploitasi dan rasuah dalam sistem pengambilan pekerja asing, majikan palsu dan ejen tidak berperikemanusiaan masih teruk selain tidak mampu dikawal kerajaan.

Kini bergantung harap kepada Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa yang berjanji membawa perkara itu kepada Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kewangan untuk memperhalusi segala cadangan penambahbaikan petugas kesihatan.

Komitmen beliau tidak harus dilewat-lewatkan kerana dalam isu menyelesaikan masalah air di Kelantan kerajaan sepantas kilat mengumumkan peruntukan sehingga RM1 bilion demi kesejahteraan penduduk negeri itu.

Perjuangan Zaliha harus berjaya bagi menamatkan kekecewaan baki doktor-doktor yang masih berkhidmat.

Teon Eg ialah Pengarang Berita Utusan Malaysia

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : DALAM NEGERI

1,825 doktor ditempatkan di fasiliti kesihatan terjejas

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulla.com.my

PUTRAJAYA: Kementerian Kesihatan (KKM) akan menempatkan seramai 1,825 pegawai perubatan yang sudah menamatkan latihan siswazah ke fasiliti kesihatan yang terjejas dengan 675 orang akan ditempatkan mulai bulan depan manakala bakinya pada Ogos ini.

Menterinya, Dr. Zaliha Mustafa berkata, penempatan itu akan dilaksanakan sebaik sahaja pegawai berkenaan menamatkan latihan atau khidmat wajib dan ditawarkan perjawatan tetap.

"Berdasarkan rekod KKM, seramai 3,226 pegawai perubatan akan menamatkan latihan siswazah atau khidmat wajib secara berperingkat mulai Jun hingga Disember ini," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurut Dr. Zaliha, selaras dengan kekosongan jawatan pada tahun ini, seramai 4,914 pegawai perubatan, pegawai perigian dan pegawai farmasi lantikan kontrak ditawarkan

pelantikan tetap oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA).

Katanya, jumlah itu merangkumi seramai 4,263 pegawai perubatan, 335 pegawai perigian dan sebanyak 316 pegawai farmasi.

Jelas beliau, seramai 4,907 pegawai perubatan, pegawai perigian dan pegawai farmasi lantikan kontrak melengkapkan urusan setuju terima melalui Sistem Tawaran Pelantikan Tetap (mySTP) SPA, manakala seramai tujuh pegawai perubatan menolak pelantikan tetap tersebut.

"Bagi memastikan ketelusan dan kesaksamaan, KKM memutuskan kesemua pegawai yang ditawarkan pelantikan tetap membuat pemilihan penempatan bertugas menerusi aplikasi eHousemen, eDentist dan ePharmacist mulai 6 hingga 8 Jun lalu.

Dalam pada itu, Dr. Zaliha memaklumkan,

seramai 330 pegawai perigian berjaya melengkapkan pemilihan penempatan, pegawai farmasi (308 orang) selain 3,405 pegawai perubatan.

Berdasarkan perjawatan yang disediakan bagi Fasa 1 hingga Fasa 4, katanya, kesemua jawatan tetap di Semenanjung Malaysia dipilih sepenuhnya, manakala masih terdapat kekosongan jawatan di Sabah dan Sarawak yang tidak dipilih oleh pegawai.

Oleh yang demikian-

pada calon simpanan.

"KKM menerima lebih 1,000 rayuan daripada pegawai untuk dikekalkan di penempatan semasa. Antara alasan yang diberikan adalah pegawai menghadapi masalah kesihatan diri dan keluarga tidak bersetuju untuk berkhidmat di Sabah, Sarawak dan Labuan.

"Alasan lain termasuk pegawai terpaksa tinggal berjauhan dengan pasangan dan pegawai akan atau memulakan pengajian kepakaran," katanya.



Kadar elaun lebih masa pegawai perubatan dibawa ke JPA, MOF

Dari muka 1

Apatah lagi kadar itu sebagaimana difahamkan, tidak pernah dinaikkan sejak 20 tahun lalu dalam situasi rakyat bergelut dengan kenaikan kos sara hidup tinggi ketika ini.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa berkata, isu itu menjadi tekad beliau dalam usaha memperjuangkan kebajikan semua petugas kesihatan yang bertungkus-lumus dalam menguruskan sistem kesihatan negara.

Beliau akan membawa perkara itu kepada perhatian Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kementerian Kewangan (MOF) untuk meneliti dan memperhalusi segala cadangan

penambahbaikan yang boleh dipertimbangkan.

"Kita akan menilai balik termasuk semua isu-isu lain yang berkaitan kebajikan petugas kesihatan.

"Saya akan berusaha untuk membawa perkara ini ke perhatian JPA dan MOF," katanya di sini semalam.

Utusan Malaysia kelmarin melaporkan isu elaun pegawai perubatan terutama bagi tugas lebih masa atau on call sangat rendah jika dibandingkan dengan upah kepada pekerja bukan profesional lain.

Mereka cuma dibayar RM9.16 sejam, iaitu lebih rendah berbanding elaun lebih masa pekerja restoran makanan segera sekitar RM10 sejam atau upah pembersih rumah RM20 sejam.

Elaun itu dibayar jika mereka dipanggil bekerja pada hari cuti hujung minggu pada Sabtu dan Ahad serta cuti umum dan mereka hanya menerima 'harga' itu atas pengorbanan dan kehilangan masa bersama keluarga.

Sebelum itu, Presiden Pertubuhan Doktor-doktor Islam Malaysia (Perdim), Dr. Boi Saidi Abdul Razak, membangkitkan isu pendapatan yang tidak seimbang dengan kepakaran dan beban tugas punca ramai pegawai perubatan enggan mendalami bidang menjadi doktor pakar.

Katanya, gaji doktor pakar dalam perkhidmatan awam tidak bersandar kepada kecakapan individu, tetapi lebih bergantung kepada gred, malah

kenaikan gred dan pangkat dibuat mengikut kekekalan seseorang pegawai perubatan itu.

Di sektor perubatan swasta, gaji doktor pakar bermula RM50,000 sehingga mencecah RM100,000 bergantung kepada jumlah pesakit dan kepakaran dimiliki.

Malaysia hanya mempunyai 6,985 pakar perubatan yang berkhidmat di kira-kira 70 hospital daripada 145 hospital kerajaan di seluruh negara.

Kekurangan doktor pakar itu melibatkan pelbagai bidang antaranya pakar kardiotorasik (jantung), onkologi (kanser), perubatan paliatif (kanser), perubatan geriatrik (penyakit orang tua), neurosurgeri (otak), obstetrik (sakit puan) dan ginekologi serta psikiatri.

AKHBAR : NEW STRAITS
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NEWS / NATION

COVID-19

'S.O.P FOR ENDEMIC PHASE TO BE PRESENTED TO CABINET'

It takes into account WHO guidelines, global situation and local infection rate, says health minister

PUTRAJAYA

THE decision on whether Malaysia will enter the endemic phase of Covid-19 will be made after the Health Ministry presents a report on new recommendations and standard operating procedures (SOP) to the cabinet next week, said Health Minister Dr Zaliha Mustafa.

Malaysia is in the transition to the endemic phase, which began on April 1 last year.

Dr Zaliha said the review of the new recommendations and SOP would take into account the World Health Organisation's (WHO) guidelines, the global Covid-19 situation and the number of infections in the country.

"We will announce this (transition) status after I present the report to the cabinet. The Public Health Department has recommended that we implement a new SOP," she said after the ministry's monthly assembly here yesterday.

Last May, the ministry announced that the status of local areas of infection would remain unchanged for the time being even though WHO has declared



Health Minister Dr Zaliha Mustafa launching the KOSPEN WOW programme's portal at the ministry's monthly assembly in Putrajaya yesterday. With her is her deputy, Lukanisman Awang Sauni. BERNAMA PIC

that Covid-19 is no longer a Public Health Emergency of International Concern.

Dr Zaliha was reported to have said that the move was necessary to meet the need for quarantine or isolation of Covid-19 cases in places other than hospitals and for employers to bear the cost of treatment and testing for Covid-

19 for their employees.

Prior to this, the ministry had extended the declaration of local areas of infection from Jan 1 to June 30.

Up to June 17, Malaysia recorded 5,112,019 Covid-19 cases, including imported cases and 37,118 fatalities.

On Thursday, Indonesian Pres-

ident Joko Widodo declared an end to the national emergency status of the Covid-19 pandemic.

Dr Zaliha said the health SOP for the state elections in Selangor, Penang, Negri Sembilan, Kedah, Kelantan and Terengganu would depend on the announcement of the transition status.

Bernama



Datuk Lokman Adam

NO PRIMA FACIE CASE

Lokman acquitted of fake news rap related to Covid vax

KUALA LUMPUR: Umno Supreme Council Datuk Lokman Noor Adam has been acquitted and discharged for a charge of spreading fake news related to the Covid-19 vaccine in 2021.

Sessions Court judge Nor Hasniah Ab Razak made the ruling after finding there was no case against Lokman at the end of the prosecution's case.

This, she said, was found after making maximum evaluation against all testimonies and exhibits presented by the prosecution, as well as submissions by both prosecution and defence.

"The court, therefore, finds no prima facie case established against the accused. The defence has proved a reasonable doubt against the prosecution's case."

Lokman was charged on Oct 1, 2021 with spreading fake news on the death of a police officer Assistant Commissioner Shariman Saidin.

Shariman was later confirmed to have died from a heart attack and not from any complication due to the Covid-19 vaccine.

Deputy public prosecutor Datin Kalmizah Salleh prosecuted, and Lokman was represented by Logen Eskander.

Lokman later said the court's decision and his lawyer's submissions proved that the statement he made did not contradict any facts.

He thanked the court for the decision.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : NATION

10 Nation

THE STAR, SATURDAY 24 JUNE 2023

Spots for healthcare workers in Sabah, S'wak only

By RAGANANTHINI
VETHASALAM
raga@thestar.com.my

PETALING JAYA: There are only vacancies in Sabah and Sarawak for the placements for healthcare workers as permanent positions in Peninsular Malaysia have been fully taken up, says Dr Zaliha Mustafa.

The Health Minister said there were vacancies in Sabah and Sarawak, hence the posts would be offered to reserve candidates.

During the hiring for permanent positions this time, the ministry received more than 1,000 appeals from officers to let them remain in their current placements, she said in a statement yesterday.

Among the reasons given for the appeal were health issues faced by the officer or their family members, refusal to serve in Sabah, Sarawak or Labuan, having to live at a distance from their spouse and wanting to start their

specialist training.

The *Star* reported on June 18 that northern Sarawak hospitals such as Limbang and Miri hospitals are facing a shortage of medical officers, where the number of MOs at these hospitals are at half of their capacity.

On that note, Dr Zaliha said there was a temporary shortage of officers expected at the ministry's facilities.

To address this, she said the ministry would deploy, in phases, those who completed their housemanship to facilities in need from July onwards.

There will be a total of 3,226 medical officers who have completed their housemanship and mandatory services between June and December.

"A total of 675 medical officers will be allocated from July 2023, followed by 1,150 in August 2023. The following (allocation) will be done once the officers complete their training and mandatory service," she said.



Dr Zaliha: Permanent posts in Sabah and Sarawak will be offered to reserve candidates. — Bernama

Dr Zaliha said that of the 4,914 vacancies, of which 4,263 were for contract medical officers, 335 for dentists and 316 for pharmacists this year, 4,907 had accepted the offer for permanent placement while seven rejected it.

A total of 3,405 medical officers, 330 dentists and 308 pharmacists have chosen their placements as at the end of the fourth phase of selection. The fifth phase of selection ends today.

Separately, a list sighted by *The*

Star revealed some 700 medical officers working around the Klang Valley offered permanent positions outside the Klang Valley are appealing to remain where they are.

Meanwhile, a source said some doctors might reject offers for permanent placement and chose to remain under contract at their current healthcare facility.

"These doctors are (mostly) sent outside the Klang Valley. And as they don't want to go, they will apply to stay in Klang Valley hospitals instead."

"So on one hand while there's a shortage, on another hand there are doctors who chose not to move."

"This may lead to an oversupply in Klang Valley and bigger towns, and an undersupply in places like Miri," the source added.

The most impacted are the people seeking healthcare services.

"And healthcare workers who work there (smaller towns) will get burnt out," the source said.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NATION

Sabah to get 15 new four- wheel-drive ambulances

KOTA KINABALU: Emergency and disaster response in the outskirts and rural areas of Sabah will be improved with the arrival of four-wheel-drive ambulances to the Civil Defence Department here.

Minister in the Prime Minister's Department (Sabah, Sarawak Affairs and Special Functions) Datuk Armizan Ali said this initiative was part of a national effort to boost Civil Defence response and to provide more assets to rural parts of the country.

Sabah, he said, had its own challenging geographical conditions.

These new four-wheel-drive ambulances would address issues faced by people living in the interior parts of the state, he added.

He said the Civil Defence Department was the secretariat of the committee for natural disaster management and, therefore, human resources and assets must be enhanced for better performance.

"This is the government's commitment to give more emphasis to Sabah and Sarawak due to their geographical conditions that differ from Peninsular Malaysia."

For this year, he said they managed to secure 15 vehicles for Sabah.

Under the first phase of distribution, he said eight were handed over yesterday.

He said the remaining seven would be deployed in August.

Armizan said the vehicles were type B ambulances which, among others, would enable medical personnel on board to communicate with hospital personnel while on the road.